



GARIS PANDUAN

AMALAN PERNIAGAAN

BUAH KELAPA SAWIT




foto contoh sahaja

Kandungan

MUKA SURAT

Pengenalan 1

Objektif 3

Definasi 4

Garis Panduan 7

Lampiran 21

Pengenalan

Industri sawit negara telah berkembang dengan pesatnya dari keluasan tanaman hanya 55,000 hektar pada tahun 1960 kepada lebih daripada 3.67 juta hektar pada tahun 2002. Pekebun kecil persendirian menyumbangkan 9.78% daripada jumlah keluasan tersebut. Perkembangan pesat ini telah meluaskan lagi penglibatan sektor yang berkaitan seperti sektor pengilangan, penapisan dan perkhidmatan.

Dalam sistem pemasaran buah kelapa sawit di negara ini, saluran pasaran buah kelapa sawit ke kilang kelapa sawit sama ada secara terus ke kilang buah kelapa sawit atau melalui peniaga buah kelapa sawit. Peniaga buah kelapa sawit merupakan saluran pemasaran yang penting kepada pekebun kecil dan juga sebahagian daripada estet-estet kecil. Peniaga buah kelapa sawit juga turut memberi perkhidmatan pengangkutan, bertindak sebagai kontraktor menuai buah kelapa sawit dan pembekal baja dan peralatan keperluan bagi penjagaan kebun kelapa sawit.

Bagi memastikan saluran pemasaran ini bergerak dengan lancar dan tersusun, setiap pihak yang terlibat perlu mengamalkan disiplin cara perniagaan yang seragam dan adil kepada semua pihak. Mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab yang bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum tetapi juga turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti industri sawit negara.

Usaha MPOB menerbitkan *Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit* merupakan satu komitmen ke arah mewujudkan amalan pemasaran buah kelapa sawit yang lebih tersusun, telus dan adil. Garis panduan ini disediakan oleh jawatankuasa Bersama MPOB dan wakil-wakil industri sawit yang terlibat dalam urusniaga buah kelapa sawit.

Objektif

Garis panduan ini disediakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:-

- i. Mewujudkan amalan perniagaan yang jujur, telus, adil dan teratur;
- ii. Mempastikan pengeluar buah kelapa sawit memperoleh pendapatan yang setimpal dengan kualiti dan kuantiti buah kelapa sawit yang dihasilkan; dan
- iii. Mendorong kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti industri sawit negara.

Definisi

i. **Buah Kelapa Sawit**

Buah kelapa sawit yang belum diproses sama ada bertandan atau berelai yang dihasilkan oleh pokok palma jenis *Elaeis* dan termasuklah jenis *Elaeis Guineensis*, *Elaeis Oleifera* dan termasuk kacukan kedua-dua jenis ini.

ii. **Peniaga Buah Kelapa Sawit**

Seseorang yang dilesenkan oleh MPOB bagi menjalankan aktiviti menjual dan membeli buah kelapa sawit sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta LMSM (1998) dan Peraturan-Peraturan Subsidiari berkenaan termasuk pengilang buah kelapa sawit yang memiliki lesen membeli atau menjual buah kelapa sawit.

iii. **Alat Timbang**

Sesuatu alat timbang dari jenis dan jenama yang ditentusahkan oleh Unit Metrik, keenterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

iv. **Pusat Pengumpulan Buah Kelapa Sawit**

Suatu premis atau kawasan di bawah kawalan peniaga buah kelapa swit yang digunakan bagi tujuan untuk menimbang atau mengumpul atau menyimpan atau memindahkan semula buah kelapa swit ke dalam kenderaan atau ke semua tujuan di atas.

v. **Tandan Buah Kelapa Sawit Bermutu Rendah**

Tandan buah kelapa sawit yang diklasifikasikan dalam Manual Penggredan Buah kelapa Sawit MPOB sebagai tandan muda, tandan peram, tandan mengkal, tandan kosong, tandan busuk, tandan tangkai panjang, tandan kotor, tandan dura, tandan lama dan tandan basah.

vi. **Tandan Buah kelapa Sawit Bermutu Tinggi**

Tandan buah kelapa sawit yang mempunyai tahap kemasakan seperti yang ditakrifkan di dalam Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB sebagai tandan masak dan bebas dari tandan berkualiti rendah seperti muda, tangkai panjang, busuk, lama, dura, kotor dan bebas dari bahan asing.

vii. **Pembekal Buah Kelapa Sawit Luar**

Pembekal buah kelapa sawit bukan dari ladang atau kebun milik peniaga.

GARIS PANDUAN

Kakitangan dan Tugas

Kakitangan tambahan perlu dilantik oleh peniaga buah kelapa sawit bagi melaksanakan tugas-tugas seperti berikut (sekiranya peniaga tidak berdadang untuk melakukannya sendiri):

- i. Menggred buah kelapa swit yang dibeli dan disimpan di pusat pengumpulan buah kelapa sawit (jika ada);
- ii. Mengendalikan alat timbang (jika ada);
- iii. Menyelenggara rekod harian belian dan jualan buah kelapa sawit; dan
- iv. Menyelenggara akaun termasuk urusan pembayaran dan pengeluaran baucer bayaran belian buah kelapa sawit.

Kemudahan

Peniaga sama ada menyediakan kemudahan-kemudahan berikut atau menggunakan kemudahan orang lain perlu mengikut garis panduan penyediaan kemudahan seperti berikut:

i. **Alat Timbang**

Alat timbang yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan berat barang yang hendak ditimbang dan permukaan yang menunjukkan bacaan berat diletakkan pada kedudukan yang mudah dilihat oleh penjual buah kelapa sawit atau wakilnya.

ii. **Pusat Pengumpulan Buah Kelapa Sawit**

Tempat ini hendaklah mempunyai permukaan yang rata dan diperbuat daripada konkrit setebal sekurang-kurangnya 4 cm serta tiada longgokan batu, tanah dan pasir berhampiran tempat berkenaan termasuk paip air yang boleh digunakan untuk menyiram air kepada buah kelapa sawit bagi menambah berat.

iii. **Kenderaan**

Kenderaan yang digunakan untuk mengangkut buah kelapa sawit hendaklah dalam keadaan terselenggara dan selamat digunakan di jalanraya.

Pembelian / Penerimaan

Buah Kelapa Sawit

- i. Hanya buah kelapa sawit milik seseorang yang mempunyai lesen atau perakuan kebenaran bagi aktiviti menjual dan mengalih buah kelapa sawit yang dikeluarkan oleh MPOB atau wakilnya sahaja dibeli.
- ii. Peniaga buah kelapa sawit perlulah mendapatkan maklumat dari penjual terlebih dahulu mengenai tarikh tuaian, tempat atau lokasi buah kelapa sawit yang dituai akan dikumpul supaya dapat segera diuruskan pengangkutan bagi mengangkut buah kelapa sawit yang dituai itu ke pusat pengumpulan buah kelapa sawit atau sebaik-baiknya dihantar terus ke kilang buah kelapa sawit.
- iii. Buah kelapa sawit yang diklasifikasikan sebagai tandan buah kelapa sawit bermutu rendah serta keratan tangkai dan bahan-bahan asing seperti pasir, batu dan tanah hendaklah tidak dimuatkan ke dalam kenderaan untuk diangkut ke pusat pengumpulan buah kelapa sawit atau ke kilang buah kelapa sawit.
- iv. Semua buah relai yang terdapat di kawasan longgokan hendaklah dikutip dan dimuatkan ke dalam kenderaan sebelum diangkut.
- v. Pengasingan atau pemisahan hendaklah dilakukan ke atas buah kelapa awit yang dimiliki oleh penjual/pembekal buah kelapa sawit yang berbeza sekiranya dimuatkan ke dalam kenderaan yang sama supaya timbangan berat berasingan boleh dilakukan.
- vi. Timbangan berat buah kelapa swit hendaklah dalam Sistem Unit Antarabangsa (SI Unit) atau nit metrik (kilogram atau tan metrik) menggunakan alat timbangan di kilang kelapa sawit atau di pusat pengumpulan buah kelapa sawit atau dengan menggunakan mana-mana alat timbangan yang lain yang dipersetujui bersama di antara penjual atau wakilnya dengan peniaga buah kelapa sawit.
- vii. Kualiti buah kelapa sawit hendaklah ditentukan dengan melakukan penggredan oleh peniaga buah kelapa sawit.

- viii. Penetapan harga buah kelapa sawit oleh peniaga buah kelapa sawit hendaklah menggred mengikut Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB berasaskan kuantiti dan kualiti buah kelapa sawit yang dibeli dan dibayar mengikut 1% kadar perahan minyak sawit mentah.
- ix. Butir-butir pembelian dan bayaran yang dibuat oleh peniaga buah kelapa awit kepada setiap penjual buah kelapa sawit hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam baucer bayaran yang diserahkan salinan kepada penjual / pembekal buah kelapa sawit. Sila lihat contoh dalam Lampiran 1.
- x. Pemegang lesen yang menerima bekalan buah kelapa sawit dari pembekal luar adalah dilarang menerima buah kelapa sawit muda.

Penimbangan Berat

- i. Penjual buah kelapa sawit atau wakilnya berhak untuk hadir dan menyaksikan timbangan dilakukan.
- ii. Tiada seseorangpun berada di atas paltform alat timbang semasa timbangan dilakukan.
- iii. Cetakan berat kenderaan dengan muatan buah kelapa sawit hendaklah dilakukan pada tiket timbang setelah dipastikan kenderaan berada di atas platform alat timbang dengan betul dan apabila penunjuk berat timbangan dalam keadaan stabil.
- iv. Timbangan semula berat kenderaan setelah muatan buah kelapa sawit diturunkan hendaklah dilakukan dengan menggunakan alat timbang yang sama dan ceatakan berat dilakukan di atas tiket timbang yang sama (tiket timbang yang menunjukkan berat kenderaan dengan muatan).
- v. Tiket timbang yang digunakan untuk mencetak berat timbangan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat nama dan alamat pemilik alat timbang, tarikh dan masa timbangan, nombor tiket timbang, nombor pendaftaran kenderaan, barang yang ditimbang, nama penjual buah kelapa sawit, berat kenderaan dengan muatan, berat kenderaan tanpa muatan dan berat bersih muatan. Sila lihat contoh dalam *Lampiran 2*.

Penggredan Buah Kelapa Sawit

- i. Penjual buah kelapa sawit atau wakilnya berhak hadir dan menyaksikan penggredan buah kelapa sawit yang dilakukan oleh peniaga buah kelapa sawit.
- ii. Prosedur penggredan buah kelapa sawit hendaklah berasaskan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB atau mana-mana manual penggredan buah kelapa sawit yang diiktiraf oleh MPOB.
- iii. Penggredan buah kelapa sawit hanya boleh dilakukan oleh orang yang mahir mengenai penggredan buah kelapa sawit (orang yang telah ditauliah oleh MPOB) yang ditentukan atau dilantik oleh peniaga buah kelapa sawit.
- iv. Penentuan harga buah kelapa sawit kepada pembekal hendaklah berasaskan kualiti buah kelapa sawit yang digred dan dibayar mengikut kadar 1% kadar perahan minyak sawit mentah.

Penyimpanan dan Penghantaran Buah Kelapa Sawit

- i. Memastikan buah kelapa sawit yang dikumpul di pusat pengumpulan buah kelapa sawit hendaklah dihantar ke kilang buah kelapa sawit secepat mungkin dalam tempoh tidak melebihi 24 jam dari masa penerimaannya.
- ii. Pembeli buah kelapa sawit ditegah mencampurkan buah kelapa sawit yang bermutu rendah dengan himpunan buah kelapa sawit bermutu tinggi.
- iii. Peniaga buah kelapa sawit dilarang mencampur buah kelapa sawit dengan apa-apa benda asing seperti pasir, batu dan kayu, sama ada di tempat pengumpulan buah kelapa sawit, di atas kenderaan pengangkutan atau di mana-mana tempat pada bila-bila masa.
- iv. Peniaga buah kelapa sawit dilarang mencampur buah kelapa sawit dengan apa-apa benda asing seperti pasir, batu dan kayu, sama ada di tempat pengumpulan atau mana-mana tempat pada bila-bila masa.
- v. Memastikan bahagian muatan barang di atas kenderaan pengangkutan bersih dari tanah, pasir atau apa-apa bahan asing yang berlebihan sebelum buah kelapa sawit dimuatkan ke atas kenderaan tersebut.
- vi. Memastikan bahagian muatan kenderaan pengangkutan ditutup sebaik-baiknya dengan kanvas atau penutup lain yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan semasa pengalihan buah kelapa sawit dilakukan.

Penyimpanan Rekod

- i. Memastikan rekod harian belian / penerimaan dan penjualan penghantaran buah kelapa sawit diselenggarakan dengan baik, serta penyerahan penyata bulanan dilakukan sebagaimana dikehendaki di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (1998) dan Peraturan-Peraturan Subsidiari berkenaan.
- ii. Memastikan semua dokumen urus niaga buah kelapa sawit seperti rekod harian dan jualan, salinan penyata bulanan, tiket timbang, salinan nota hantaran, salinan resit penerimaan bayaran dan penyata pembelian / penerimaan buah kelapa sawit oleh kilang / pembeli disimpan tidak kurang dua tahun dari tarikh kemasukan akhir mengikut nama yang berkenaan.
- iii. Memastikan dalam semua rekod atau dokumen yang diselenggarakan atau dikeluarkan oleh peniaga buah kelapa sawit, nama penjual atau pembeli buah kelapa swit dan nombor lesen hendaklah seperti yang tercatat dalam lesen yang dikeluarkan oleh MPOB.

Am

- i. Memastikan papan tanda yang menyatakan nama peniaga buah kelapa sawit, alamat premis dan nombor lesen MPOB disediakan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai di premis perniagaan dan di pusat pengumpulan buah kelapa sawit.
- ii. Memastikan peniaga buah kelapa sawit mempamerkan harga buah kelapa sawit berdasarkan satu peratus (1%) kadar perahan minyak kelapa sawit dengan jelas di premis perniagaan dan di pusat pengumpulan buah kelapa sawit. Saiz tulisan hendaklah tidak kurang 25 mm (tinggi).

Lampiran

LAMPIRAN 1**Borang Penggredan Buah Kelapa Sawit**

Nama Pembekal : _____

Fasa / Lot : _____

No. Lesen MPOB : _____

Tarikh : _____ Masa : _____

No. Kenderaan : _____ No. Tiket Timbang : _____

PERIHAL		
PENGGREDAN BTS	BILANGAN	PERATUS (%)
1) Tandan Muda
2) Tandan Mengkal
3) Tandan Masak
4) Tandan Busuk
5) Tandan Kosong
JUMLAH		100%
1) Tandan Tangkai Panjang
2) Tandan Kotor
3) Tandan Dura
4) tandan Lama
5) Tandan Basar
JUMLAH		

Catatan :

Tandatangan : _____

Nama : _____

LAMPIRAN 2

Contoh : Tiket Timbang

No. Tiket Timbang :

Nama pemilik alat timbang

Alamat, No. Telefon

No. Lesen MPOB

Nama Pembekal :

Tarikh :

No. Lori	Jenis Konsainan	Masa		Berat (kg)
		Masuk	Keluar	
				BDM :
				BTM :

Disediakan Oleh :

Disahkan Oleh :

Nama:

Nama :

Tarikh:

Tarikh:

Nota: BDM - Berat Dengan Muatan

BTM - Berat Tanpa Muatan

LAMPIRAN 3

Contoh: Baucer Bayaran Pembelian Buah Kelapa Sawit

Nama pemilik alat timbang
Alamat, No. Telefon
No. Lesen MPOB

Baucer bayaran pembelian buah kelapa sawit

Bagi bulan _____

Nama Pembekal :

No. Lesen MPOB:

Tarikh Tamat Lesen MPOB :

Tarikh Terima	No. Lori	Berat (TM)	Kadar Perahan MSM* Diberi	Harga BTS** Bagi 1% MSM	Jumlah Harga BTS (RM)

Jumlah Bersih Dibayar

Disediakan Oleh :

Nama:

Disahkan Oleh :

Nama :

Diterima Oleh :

Nama :

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

*Minyak Sawit Mentah

**Buah Tandan Segar

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Jabatan Pelesenan dan Pendaftaran

Wisma Sawit

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran

47301 Kelana Jaya, Selangor

Tel: 03-78022800

Fax: 03-78034014

Laman web : <http://www.mpob.gov.my>

MPOB Wilayah Tengah

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran

47301 Kelana Jaya, Selangor

Tel: 03-78022845 /2847

Faks: 03-78035051

E-mel: tengah@mpob.gov.my

MPOB - Pejabat Cawangan Seremban

No. 7, Jalan S2 B1

Lake View Square, 70300 Seremban 2

Negeri Sembilan

Tel: 06-6011534 / 6011605

Faks: 06-6011307

E-mel: seremban@mpob.gov.my

MPOB - Pejabat Pelabuhan Klang

No. 7/7A, Jalan Melaka

Off Persiaran Raja Muda Musa

42000 Pelabuhan Klang, Selangor

Tel: 03-31674923

Faks: 03-31678073

E-mel: pkelang@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Utara
Suite 11.02, Tingkat 11, Bangunan Wisma Pantai
Jalan Kg. Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
Tel: 04-3230490 /0526
Faks: 04-3230527
E-mel: utara@mpob.gov.my

MPOB -Pejabat Cawangan Teluk Intan
Lot 5267, Simpang Tiga Kg. Kota
36400 Hutan Melintang, Perak.
Tel: 05-6411359 / 1855 /2135
Fax : 05-6412137
E-mail: tintan@mpob.gov.my

MPOB – Pejabat Pelabuhan Butterworth
Suite 11.4, Tingkat 11, Bangunan Wisma Pantai
Jalan Kg. Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
Tel: 04-3230526 / 0490
Faks: 04-3230527
E-mel: buttwth@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Selatan
Tingkat 3, Bangunan Timjaya
No 127, Bt 4 ½, Jalan Skudai, 81200 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-2327551/ 7552 / 7553
Faks: 07-2327554
E-mel: selatan@mpob.gov.my

MPOB - Pejabat Cawangan Kluang
KM 11, Jalan Johor Tenggara
P.O.Box 67, 86009 Kluang, Johor
Tel: 07-7891133 /1134
Faks: 07-7891325
E-mel: kluang@mpob.gov.my

MPOB – Cawangan Tangkak
Tingkat 1, Lot 1331, Jalan Paya Mas
84900 Tangkak, Johor.
Tel: 06-9788227 / 201
Fax : 06-9788337

MPOB - Pejabat Cawangan Pasir Gudang
No. 22-A, PTD 112731
Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel: 07-2516017 / 2516018
Faks: 07-2510588
E-mel: pgudang@mpob.gov.my

MPOB – Wilayah Timur
Lot PT 769228, Bangunan MPOB
Bandar Indera Mahkota
25000 Kuantan, Pahang.
Tel: 09-5729696
Fax: 09-5729876 /9886
E-mail : timur@mpob.gov.my

MPOB – Cawangan Kuala Terengganu
Tingkat 4, Lot 3 & 4
Bangunan LUTH / Agro Bank
Jalan sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-6231077
Fax: 09-6234479
E-mail: ktrgnu@mpob.gov.my

MPOB Pelabuhan Kuantan
Lot PT 76920, Bangunan MPOB
Bandar Indera Mahkota
25000 Kuantan, Pahang.
Tel: 09-5729696
Fax: 09-5729886
E-mail : pkuantan@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Temerloh
Lot 2123, Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji
28000 Temerloh, Pahang
Tel: 09-2960580
Fax : 09-2969470

MPOB Cawangan Kuala Krai
Tingkat 1, Lot PT 4674, Taman Teknik
Lebuhraya Kuala Krai, Kelantan
Tel: 09-9606015 / 6090
Fax: 09-9606306

MPOB Wilayah Sabah
Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur
Off Jalan Norowot, Kota Kinabalu Industrial Park
88460 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-493700/702/703/705
Fax: 088-493706/706
E-mail : sabah@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Lahad Datu
KM 10, Jalan Tengah Nipah
Beg Berkunci No. 4
91109 Lahad Datu, Sabah
Tel: 089-897106 / 107 /108
Fax : 019-8630831
E-mail : mpobld@mpob.gov.my

MPOB Pejabat Pelabuhan Sandakan
Blok C4, Tingkat 1, Lot 123
Bandar Labuk Jaya, Batu 7
90000 Sandakan, Sabah
Tel: 089-224 /220843
Fax : 089-224245
E-mail : sandakan@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Tawau
Lot 3476 & 3477, Tingkat 1
Wisma Sin Kui, Lorong Abaca, Jalan Masjid
Beg Berkunci No. 5, 91000 Tawau, Sabah
Tel: 089-777611 / 755811
Fax : 089-755622

MPOB Wilayah Sarawak
Tingkat 4, Crown Towers
No. 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak
Tel : 082-342871
Fax : 082-342876
E-mail : sarawak@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Bintulu
Tingkat 3, Lot 360 (Sublot 71)
Siong Boon Garden, Jalan Sibiyu
Peti Surat 3125
Tel: 086-310157
Fax : 086-310034

MPOB Cawangan Miri
Lot 1262, Tingkat 1, Miri Centre Point
Jalan Miri, 98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-427166
Fax : 085-437166
E-mail : miri@mpob.gov.my